

Mahathir ulas cadangan MCA

'CHINATOWN' AKAN DIKAJI DULU ^(P)

10 MAY 1991

SUBANG 15 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan cadangan penubuhan Pusat Kebudayaan Cina (Chinatown) oleh MCA perlu dikaji terlebih dulu.

"Sesuatu tindakan yang akan menjejaskan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini, eloklah dikaji dulu," katanya kepada para pemberita sekembalinya daripada bercuti di luar negara petang ini.

Perdana Menteri berkata, beliau belum membuat sebarang kajian tentang cadangan MCA, itu dan tidak mahu memberi ulasan lanjut buat masa ini.

Menurutnya, walaupun pada umumnya kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada aspek-aspek kebudayaan dan kesenian yang boleh mendekatkan lagi hubungan antara kaum-kaum dan membentuk satu bangsa Malaysia, ia sepatutnya merupakan satu kebudayaan yang khusus untuk Malaysia.

Cadangan penubuhan pusat itu ditimbulkan oleh MCA baru-baru ini dan telah mendapat tentangan daripada pelbagai pihak khususnya Pergerakan Pemuda UMNO.

Ditanya sama ada perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Barisan Nasional (BN) atau kabinet, beliau berkata, perkara itu belum boleh ditetapkan lagi.

Mengenai mesyuarat G15 di Venezuela yang akan dihadapinya bulan depan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menemui mana-mana pemimpin berhubung dengan mesyuarat itu semasa bercuti di Eropah.

Bagaimanapun, beliau mengakui ada menemui pemimpin tertentu di London bagi membincangkan soal penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan oleh Malaysia.

Ditanya sama ada beliau akan menemui Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke semasa menghadiri mesyuarat G15, beliau berkata, pertemuan itu mungkin berlaku.

"Kalau dia (Bob Hawke) duduk satu meja dalam mesyuarat itu, kita tentu berjumpa," tambahnya.